

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23/01/2018

Galak pertumbuhan industri emas

BH - 23/1/2018 pg. 2

→ Logam bernilai bantu corak, bentuk cara hidup masyarakat

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu usaha berterusan dilakukan bagi menggalakkan industri penghasilan dan penulenan emas berkembang di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sejarah menunjukkan beberapa jenis logam yang bernilai terutama emas memainkan peranan penting dalam mencorak dan membentuk cara hidup masyarakat. "Individu dan keluarga mem-

buat pelaburan dengan membeli perhiasan emas serta produk pelaburan seperti Kijang Emas atau syiling emas.

"Urusan jual dan beli emas berlaku bukan sahaja di kedai tradisional, tetapi di bank berlesen dan pelbagai platform perdagangan.

"Walaupun harganya tidak menentu, tahap keyakinan individu, institusi kewangan, Bank Negara dan kerajaan memiliki emas tetap kukuh. Inilah sebabnya penting untuk kita terus menggalakkan pertumbuhan industri emas di Malaysia," katanya pada majlis pelancaran jongkong emas Demi Idaman Sdn Bhd (Demi Idaman) di sini, semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Yang turut berangkat, Tengku Permaisuri Norashikin; Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah.

Lancar syiling emas khas Sultan Selangor

Yang hadir sama, isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi Demi Idaman, Datuk Salehuddin Sa'idin dan Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

Sultan Sharafuddin turut menyoal majlis menandatangani

memorandum persefahaman (MoU) di antara Demi Idaman dengan SIRIM dan syarikat PX Precinox SA dari Switzerland.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan syiling emas khas Sultan Selangor.

Najib berkata, dengan pambangunan proses penulenan emas komersial pertama oleh Demi Idaman, negara berupaya menghasilkan emas tulen bermula dari peringkat lebur sehingga penghasilan dalam negara ini.

"Dengan ini, saya mengiktirafkan Demi Idaman yang memainkan peranan penting dalam pembangunan industri emas di Malaysia," katanya.